

KAEDAH PERANG SARAF DALAM MEMBANTERAS GERAKAN KOMUNIS DI BAHAGIAN PERTAMA, SARAWAK 1963 – 1974

(The Implementation of Psychology Warfare As A Counter Measures In Communist Movement at First Division of Sarawak, 1963 – 1974)

Nararossa Peter Ballak & Mohd.Samsudin

ABSTRAK

Kemunculan beberapa pertubuhan komunis yang berlaku sekitar tahun 1941-an merupakan permulaan penularan propaganda komunis terhadap penduduk di Sarawak. Pengaruh komunis menular masuk melalui sempadan Malaysia dan Indonesia apabila penyusupan masuk seramai 1000 ahli-ahli komunis yang baru untuk dilatih menjadi sebahagian daripada pasukan komunis. Ekoran daripada kejadian tersebut, Bahagian Pertama telah menghadapi pemberontakan bersenjata yang pertama daripada pihak komunis pada Ogos 1952. Lantas menyebabkan pihak kerajaan menggunakan kaedah perang saraf untuk membanteras kegiatan komunis. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk membincangkan kaedah perang saraf yang digunakan oleh pihak kerajaan dalam membanteras kegiatan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak. Dapatan kajian turut mendapati bahawa pelaksanaan kaedah perang saraf telah berjaya membanteras kegiatan komunis di Bahagian Pertama. Bagi melakukan kajian ini, pengkaji menggunakan sumber primer yang terdiri daripada fail-fail daripada *District Office* dan *Resident Office* di Sarawak dan beberapa sumber sekunder untuk melengkapkan kajian ini.

Kata kunci: perang saraf, pembanterasan komunis, bahagian pertama Sarawak.

ABSTRACT

The establishment of communist-inspired organization in Sarawak during 1941s' indicated the beginning of communist movement in Sarawak and the spreading of communist ideology toward civilians. It was believed, the communist influences spread to Sarawak through the border when 1 000 of youths went to Kalimantan for military training. Consequently, the First Division of Sarawak have to endure communist terrorism for the first time in August, 1952. This incident triggered the government to implement psychology warfare as a part of counter measure of thwarting subversive activities particularly by communist. Therefore, this article attempt to discuss about the psychology warfare as a measure taken to encounter communist activities. This paper had concluded, the implementation of psychology warfare had succeeded in suppressing the communist movement in First Division of Sarawak. Thus, in completing this paper, a few primer sources including reports and documents had been used namely the resident office, district office, colonial office, foreign colonial office and secondary sources have been able to address the issues making such study became feasible.

Keywords : Psychology warfare, suppression of communist, first division of Sarawak.

PENDAHULUAN

Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut mengenai komunis, latar belakang sejarah Bahagian Pertama perlu dibincangkan. Hal ini kerana, lokasi kajian dalam perbincangan ini berfokus kepada Bahagian Pertama di Sarawak iaitu Kuching yang suatu ketika dahulu menjadi sasaran Parti Komunis Sarawak dalam melancarkan pemberontakan bersenjata mereka. Pemberontakan bersenjata dilakukan seiring dengan matlamat perjuangan mereka untuk menjadikan Sarawak sebagai kerajaan komunis. Antara kawasan yang terdapat di Bahagian Pertama adalah Kuching, Bau, Lundu, Siniawan, Serian dan Simunjan.

Kawasan yang terdapat di Bahagian Pertama ini telah menjadi sasaran komunis dalam melancarkan kegiatan ancaman subversif dan keselamatan. Peristiwa serangan komunis terancang pada 5 Ogos tahun 1952 di Batu Kitang telah mengancam keselamatan awam (Vernon L.Porrit, 1972). Dengan melancarkan serangan tersebut, pasukan komunis bertindak lebih agresif dalam usaha memperjuangkan matlamat mereka di Sarawak. Serangan komunis tersebut menandakan permulaan serangan komunis di Sarawak dan berupa amaran yang dikeluarkan oleh komunis sebagai ugutan kepada orang awam dan pihak berkuasa. Dalam erti kata lain, ia merupakan permulaan kegiatan komunis yang lebih bersifat agresif dan memerlukan pengambilan langkah berhati-berhati untuk memastikan keselamatan rakyat dan Sarawak tidak tergugat. Setelah serangan tersebut berlaku, orang awam dan pihak berkuasa menyedari bahawa tindakan Parti Komunis Sarawak tersebut sudah melampaui batas kerana ia melibatkan perihal keselamatan. Walaupun sebelum ini, ahli-ahli Parti Komunis Sarawak hanya menyebarkan fahaman komunis melalui bahan-bahan penulisan, ia tidak sepenuhnya menterjemahkan usaha yang kuat dan padu dalam mencapai perjuangan menjadikan Sarawak sebuah kerajaan komunis. Oleh itu, tindakan yang lebih agresif harus dilakukan untuk mencapai matlamat perjuangan tersebut. Memang tidak dinafikan bahawa langkah menggunakan bahan-bahan penulisan berkesan tetapi hanya segelintir sahaja orang awam yang terpengaruh dengan fahaman tersebut.

Seperkara lagi yang menguatkan pergerakan mereka di Bahagian Pertama adalah apabila mereka menggunakan parti politik iaitu *Sarawak United Peoples' Party* dalam kerangka strategi perjuangan mereka. Sebagai sebuah parti politik yang mempunyai kedudukan berpengaruh di Sarawak, pembentukan *Sarawak United Peoples' Party* telah dilihat oleh orang awam sebagai parti yang mampu mewakili dan memperjuangkan hak rakyat. *Sarawak United Peoples' Party* dikatakan terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum yang diletak di bawah pimpinan orang Cina menegaskan bahawa keahlian dalam *Sarawak United Peoples' Party* disertai oleh orang Cina dan penduduk peribumi. Mereka turut menyatakan bahawa sejumlah 51,000 ahli yang berdaftar terdiri daripada 54 peratus ahli Cina manakala selebihnya orang Dayak (Michael B.Leigh, 1988 ; FCO 141/12711).

Bahagian Pertama menjadi sasaran Parti Komunis Sarawak kerana ia berdekatan dengan sempadan Malaysia dan Indonesia. Pada peringkat permulaannya, pasukan Parti Komunis Sarawak mendapat latihan gerila di seberang sempadan Indonesia sebelum mereka melancarkan pemberontakan. Kegiatan mereka tidak disedari oleh pihak berkuasa kerana mereka tinggal di dalam hutan sementara melakukan persiapan untuk melancarkan pemberontakan di Sarawak. Mereka bernaung di bawah *Clandestine Communist Organisation* atau Parti Komunis Sarawak. Jarak yang tidak jauh dari sempadan Malaysia-Indonesia, memudahkan penyusupan ahli-ahli Parti Komunis Sarawak.

Semasa pemberontakan Brunei 1962, Parti Komunis Sarawak menjadikan ia sebagai batu loncatan untuk melancarkan pemberontakan tersebut. Bantuan daripada Tentera Nasional Kalimantan Utara dan sokongan padu daripada pemerintah Indonesia yang pada ketika itu di bawah rejim pimpinan Soekarno telah memberi latihan gerila, memberi bantuan senjata yang lengkap, perlindungan kepada gerila Parti Komunis Sarawak (Justus M. Van der Kroef, 1966). Dalam satu laporan yang di keluar oleh M.S Anwar iaitu wartawan *United Press International* (UPI), telah melihat sendiri bagaimana latihan tersebut dilakukan untuk melatih 1600 gerila Sarawak yang kebanyakan terdiri daripada pemuda Cina dan juga sukarelawan Indonesia yang dijangka akan dihantar di utara iaitu di Borneo Utara (Sabah) dan begitu juga Sarawak (Justus M. Van der Kroef, 1966). Selain itu, pada 6 Ogos 1963, Menteri Pertahanan Indonesia iaitu General A. Haris Nasution turut mengakui di satu perhimpunan umum di Pontianak, Kalimantan Barat Indonesia, Tentera Nasional Kalimantan Utara telah melatih para pemberontak Sarawak untuk membebaskan negeri itu daripada penjajahan bentuk baru iaitu Malaysia. Sementara itu, kerajaan Hong Kong telah membantu Parti Komunis Sarawak dan Tentera Nasional Kalimantan Utara untuk mempamerkan uniform, lencana, passport, surat arahan tentera dan lain-lain dokumen yang dirampas daripada tentera atau gerila yang mengaku sebagai Tentera Nasional Indonesia.

Isu gagasan Malaysia telah menyemarakkan lagi perjuangan mereka untuk membebaskan Sarawak daripada bentuk penjajahan baru. Hal ini kerana kebanyakan orang Cina di Sarawak lebih memilih agar Sarawak mendapat kemerdekaan sendiri. Melalui kemerdekaan sendiri, orang Cina mampu mengekalkan keabsahan politik dalam pentadbiran kerajaan di Sarawak dan memegang peranan yang lebih dominan daripada orang Dayak dan Melayu. Apabila gagasan Malaysia menjadi kenyataan pada 16 September 1963, rejim Soekarno telah mengambil langkah mengisytiharkan hasrat untuk mengganyang Malaysia menerusi dasar konfrontasinya. Manakala, Parti Komunis Sarawak yang mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Tentera Nasional Kalimantan Utara dan Indonesia seterusnya mengambil kesempatan memperhebatkan perjuangan bersenjata. Oleh itu, Malaysia terpaksa berhadapan dengan musuh daripada dalam negara iaitu pemberontakan bersenjata Parti Komunis Sarawak di Sarawak dan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu manakala dari luar negara adalah konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia (Mohd Reduan Haji Asli, 1993).

Pemberontakan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak telah menyebabkan pihak kerajaan berusaha untuk membanteras kegiatan komunis yang semakin menular dan mempengaruhi penduduk tempatan. Fahaman yang disebarikan berbaur hasutan menghina kerajaan, membentuk kerajaan republik komunis yang membela nasib penduduk tempatan telah menjadi langkah menyemarakkan perjuangan komunis. Fahaman disebarikan dalam apa jua bentuk keadaan sama ada dari segi bahan cetak dan mendekati penduduk merupakan cara yang paling berkesan dalam menjadikan penduduk tempatan sebagai satu kelompok masyarakat yang menganuti fahaman komunis.

Sehingga tahun 1941, tertubuhnya sebuah pertubuhan yang berunsurkan fahaman komunis mewakili peranan dan gerakan komunis di Sarawak iaitu *Sarawak Anti-Fascist League* telah mengundang situasi yang kurang menyenangkan terhadap pihak kerajaan dan pasukan keselamatan (Hoi Hu Ling, 2016). Perkara tersebut menjadi kenyataan apabila pemberontakan 5 Ogos 1952 menjadi kenyataan dan penubuhan beberapa pertubuhan komunis giat dilakukan di Bahagian Pertama untuk mengumpul ahli-ahli baru komunis.

Apabila kegiatan komunis semakin giat dilakukan, pihak kerajaan meneruskan usaha

untuk mengatur strategi dalam membanteras kegiatan komunis yang semakin berleluasa di Bahagian Pertama, Sarawak. Kerajaan khawatir sekiranya kegiatan komunis tersebut tidak dibanteras, ia akan menular ke bahagian-bahagian lain di Sarawak. Namun, apa yang menjadi persoalan adalah, mampukah kerajaan berhadapan dengan kegiatan komunis yang semakin agresif dan mempunyai kekuatan pasukan gerila yang kuat? Perkara tersebut menjadi persoalan kerana pada jangka waktu dekad kerajaan *British Military Administration* (BMA) masih menghadapi kemelut politik tempatan yang membantah penyerahan Sarawak terhadap kerajaan British serta penyesuaian sistem pentadbiran dengan situasi tempatan (Alexander Nicholas Shaw, 2016). Kejayaan Parti Komunis Sarawak melakukan pemberontakan pada 5 Ogos 1952 bukanlah hanya berpunca daripada kekuatan pasukan gerila tetapi ia turut disebabkan oleh ketidaksediaan kerajaan Sarawak untuk berhadapan dengan kemelut kegiatan komunis yang semakin menekan.

Justeru, pemberontakan yang dilancarkan oleh komunis pada 5 Ogos 1952 seterusnya diikuti siri-siri pemberontakan komunis yang dilancarkan sepanjang dekad 1960-an menyebabkan pihak kerajaan *British Military Administration* berhadapan dengan cabaran untuk memastikan pemberontakan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak ditangani. Seterusnya apabila Sarawak bersama-sama membentuk Malaysia pada tahun 1963, isu keselamatan negara menjadi tanggungjawab kerajaan Malaysia. Keadaan tersebut menyebabkan kerajaan Malaysia mengusahakan strategi untuk membanteras kegiatan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak yang memberi penekanan terhadap isu sosial, ekonomi, politik dan keselamatan rakyat dan negeri Sarawak.

SOROTAN KARYA

Penerapan Kaedah Perang Saraf di Bahagian Pertama, Sarawak

Penerapan kaedah perang saraf di Tanah Melayu untuk berhadapan dengan keganasan komunis semasa zaman darurat 1948-1960 sedikit sebanyak menjadi asas bagi menghadapi keganasan komunis di Bahagian Pertama Sarawak khususnya.(Stubbs, 1989). Terdapat lima langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam melancarkan perang saraf untuk pambanteras terhadap kegiatan komunis terutamanya di Bahagian Pertama, Sarawak. Antara langkah yang dilaksanakan adalah melancarkan perang saraf seperti mengadakan perhimpunan awam atau rapat umum, menyebarkan risalah tentang komunis, memperkenalkan konsep kawasan putih dan hitam, penempatan semula penduduk dan menanam sikap kebencian rakyat terhadap komunis. Segala kaedah dalam perang saraf akan dibincangkan dalam penghuraian yang selanjutnya.

Perhimpunan Awam

Gerakan komunis di Sarawak secara keseluruhan telah memberi impak kepada penduduk, pasukan keselamatan dan kerajaan. Keganasan komunis di Sarawak secara tidak langsung telah membangkitkan semangat penentangan daripada penduduk untuk menentang pergerakan komunis disebabkan oleh keganasan yang dilakukan terhadap penduduk tempatan. Salah satu kaedah dalam perang saraf adalah dengan mengadakan perhimpunan awam atau rapat umum. Perhimpunan awam diadakan bertujuan untuk menghimpun semua penduduk yang mengalami tempas daripada kegiatan komunis (F/55/1). Perhimpunan awam telah dianjurkan oleh Tentera Diraja Malaysia di bawah projek Jiwa Murni. Pelaksanaan program Jiwa Murni merupakan

usaha padu yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan pasukan keselamatan dalam membanteras kegiatan komunis. Tujuan utama program Jiwa Murni dilaksanakan adalah untuk menyediakan kemudahan asas yang diperlukan oleh sesebuah kampung di samping meraih sokongan rakyat kepada kerajaan.

Penganjuran aktiviti perhimpunan awam dilakukan setiap bulan di kawasan yang menerima ancaman komunis seperti di kawasan Batu Kitang, Jalan Kuching-Serian, Tambirat, Nonok, Siniawan, Bau dan Lundu. Aktiviti perhimpunan awam ini dianjurkan oleh pasukan keselamatan sejak tahun 1965 untuk memberi kesedaran kepada penduduk tempatan mengenai gerakan komunis. Perhimpunan awam yang dianjurkan oleh pasukan keselamatan sentiasa membawa maklumat baru mengenai gerakan komunis seperti pendedahan oleh bekas ahli komunis dan ceramah mengenai ancaman komunis. Projek Jiwa Murni 1974 (Jadual 1) turut dilancarkan untuk membantu kampung-kampung yang terlibat dalam serangan komunis (Bau, Serian, Kuching) contohnya di Simunjan.

Jadual 1: Projek Jiwa Murni 1974 di Simunjan

Bil	Kawasan	Projek	Anggaran kos
1	Kampung Jaie	1 jambatan	\$3,500
2	Kampung Sg. Bulu Dayak	1 jeti	\$2,500
3	Kampung Ensengei Melayu	1 surau (renovasi)	\$1,600
			Jumlah:
			\$7,600

Sumber : DEV/143 Hammer Minor Project 1965 – 1972. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching.

Perkara tersebut telah membangkitkan semangat ketidakpuasan hati rakyat terhadap komunis di mana mereka yang tidak bersalah telah dibunuh dan mengalami kecacatan yang kekal sebagai akibat diseksa oleh komunis. Menurut William Jitab iaitu pegawai daerah Bau, tumpuan penduduk yang mengikuti rancangan perhimpunan rapat umum ini mensasarkan kaum Cina, Melayu, dan Dayak yang tinggal di kawasan yang sensitif terhadap gerakan komunis (F/46/2). Begitu juga, ada dalam kalangan penduduk seperti Melayu, mereka tidak dipengaruhi oleh fahaman komunis kerana ia bertentangan dengan pegangan agama. Penduduk lain seperti orang Iban tidak menyokong pergerakan komunis tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dalam menjadi ahli komunis kerana mereka dipengaruhi oleh janji-janji manis komunis yang menjanjikan kehidupan senang lenang. Berikut merupakan rapat umum diadakan di Bahagian Pertama Sarawak pada tahun 1973 (F/55/1). Jadual 2 menunjukkan butiran berikut:

Jadual 2: Perhimpunan Rapat Umum di Bahagian Pertama Sarawak 1973

Bil	Nama Kampung	Tarikh
1	Lundu	
	Kampung Perigi	6 dan 7 Ogos 1973
	Kampung Selampit	20 dan 21 September 1973
	Kampung Serayan dan Kandaie	November

2	Serian	
	Kampung Sumpas	17 September 1973
	Kampung Bunga	24 September 1973
	Kampung Murud	27 September 1973
3	Bau	
	Kampung Tondong	28 November 1973

Sumber : F/55/1 Psychological Operation in Sarawak 1964-1971. Resident and District Office Kuching. State Records Repository

Pelaksanaan perhimpunan awam dianjurkan oleh pihak kerajaan sebagai salah satu langkah untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat tentang bahaya kegiatan komunis yang menggugat keselamatan rakyat dan negeri Sarawak. Keselamatan rakyat tergugat apabila komunis menyerang kawasan penempatan mereka seperti yang berlaku di Batu 24, Jalan Kuching-Serian (Kertas Kerajaan, 1966 ; A 1838). Komunis turut membakar jambatan yang menghubungkan kampung di Batu 24 dengan kampung yang lain. Perkara ini secara tidak langsung menggugat keselamatan negeri Sarawak apabila fahaman komunis mulai menular ke Bahagian Kedua dan Ketiga di Sarawak. Hal ini kerana, Bong Kee Chok selaku Ketua Pasukan Rakyat Kalimantan Utara telah merancang pembahagian pasukan komunis untuk terus melakukan perjuangan revolusioner komunis ke Bahagian Kedua dan Ketiga, Sarawak. Dalam perhimpunan awam juga, kerajaan melakukan “*brainwash*” terhadap rakyat supaya tidak terlibat dengan gerakan komunis. “*Brainwash*” yang dilakukan oleh kerajaan tersebut berbentuk nasihat dan peringatan agar rakyat tidak terpengaruh dengan agenda komunis. Perkara tersebut dilakukan untuk memastikan tiada rakyat yang memberikan bantuan dari segi makanan, ubat-ubatan dan alat senjata terhadap pengganas komunis. Rakyat dilarang untuk memberi sebarang bantuan terhadap pengganas komunis kerana apabila mereka melakukan perkara sedemikian adalah amat sukar bagi pihak kerajaan untuk membanteras kegiatan komunis. Sekiranya terdapat penduduk yang memberikan bantuan kepada pengganas komunis, mereka dihukum dengan sebatan (F/55/1). Untuk melaksanakan perhimpunan awam, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$1000 untuk setiap daerah yang terlibat dalam ancaman komunis.

Jadual 3: Operasi kutipan Wang untuk Projek Perang Saraf di Lundu 1973

Jabatan	Perincian program	Peruntukan
Daerah Lundu	Tindakan sivik operasi di Kampung Perigi pada 6 dan 7 Ogos 1973.	\$243.40
	Perhimpunan Sivik di Kampung Selampit pada 20 dan 21 September 1973.	\$240.15
	Perhimpunan Sivik di Kampung Serayan dan Keranji pada 20 November 1973.	\$246.30
	Perhimpunan Sivik di Kampung Sempadi pada 7 dan 8 Disember 1973.	\$250.00
Jumlah : \$979.86		

Sumber : F/55/1 Psychological Operation in Sarawak 1964-1971. Resident and District Office. Sarawak Repository Record. Kuching. Sarawak.

Rakyat mengalami kesengsaraan dengan mengalami kecederaan atau dibunuh oleh komunis sekiranya enggan memberi bantuan. Perhimpunan awam yang dijalankan sememangnya bertujuan untuk mengingatkan rakyat bahawa kegiatan komunis hanya akan memberi penderitaan terhadap mereka yang terlibat. Begitu juga, komunis hanya memberikan harapan palsu kepada rakyat Sarawak dalam usaha ingin mencapainya kemerdekaan. Konklusinya, perhimpunan awam yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan langkah pembanterasannya gerakan komunis di Bahagian Pertama. Keberkesanan langkah ini menyebabkan ramai ahli komunis yang ditangkap mahupun menyerah diri kepada pasukan keselamatan. Sehingga tahun 1974, seramai 464 ahli komunis yang ditangkap di Bahagian Pertama, Sarawak (Sarawak Karang Saminggu, 1973). Manakala penyebaran fahaman komunis semakin berkurang ekoran daripada pengawalan ketat yang dilakukan oleh pasukan keselamatan di Bahagian Pertama, Sarawak.

Penerbitan Kertas Putih Kerajaan dan Penyebaran Risalah

Apabila kegiatan komunis semakin berleluasa, pihak kerajaan menyedari kewujudan kumpulan rahsia yang terdiri daripada pengikut fahaman komunis semakin bertambah. Oleh hal demikian, adalah amat perlu bagi kerajaan untuk mendedahkan perkara tersebut kepada rakyat di Sarawak. Untuk melaksanakan tujuan tersebut, kerajaan telah menerbitkan beberapa kertas putih kerajaan yang ditulis untuk menyampaikan maklumat mengenai aktiviti komunis. Kertas Putih merupakan satu laporan lengkap mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku. Semasa Bahagian Pertama, Sarawak mengalami ancaman komunis, kerajaan telah menerbitkan Kertas Putih. Kertas Putih (Jadual 4) yang diterbitkan oleh kerajaan amat penting kerana ia berfungsi sebagai medium untuk menyalurkan maklumat mengenai gerakan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak.

Jadual 4: Kertas Putih Terbitan Kerajaan

Bil	Tajuk	Terbitan
1	Subversion : Political Parties Comment	1960
2	<i>The Danger Within: A History of Clandestine Communist Organisation in Sarawak.</i>	1965
3	Komunis dalam Sarawak.	1967
4	<i>The Communist Threat to Sarawak.</i>	1966
5	Munculnya Semula Ancaman Komunis Bersenjata Di Malaysia Barat.	1971
6	<i>The Threat of Armed Communism in Sarawak</i>	1972
7	<i>Countering Communist Subversion in School</i>	1973
8	<i>Sri Aman Peace Restored in Sarawak.</i>	1974
9	Kegiatan Parti Komunis Malaya dalam Persatuan Bahasa Tionghoa Universiti Malaya.	1974
10	Komunis Musuh Negara.	2001

Sumber : Jabatan Penerangan Malaysia, Cawangan Kuching

Dalam kertas putih tersebut kerajaan membincangkan mengenai aktiviti subversif yang dijalankan oleh melalui penubuhan pertubuhan buruh dan petani serta inti pati perjuangan

komunis yang dibincangkan dalam *Manifesto on the Establishment of the Borneo Communist Party* (Sarawak Tribune, 1960). Di samping itu, perkara yang turut dibincangkan adalah penerimaan fahaman komunis dalam kalangan pelajar seperti yang berlaku di Chung Hua Middle School No.2 Kuching pada tahun 1958 apabila wujudnya gerakan pelajar yang memperjuangkan fahaman komunis dan perluasan pengaruh komunis di sekolah termasuk guru-guru yang memegang fahaman komunis seperti yang dibincangkan di dalam kertas putih kerajaan bertajuk *Subversion in Sarawak* (C.O 1030/1105). Selain itu, sumber-sumber bertulis yang diterbitkan seperti buku, risalah, majalah yang mengandungi fahaman komunis diterbitkan adalah sebagai langkah untuk memastikan penduduk tempatan memahami hasrat perjuangan komunis dalam menjadikan Sarawak sebagai kerajaan komunis. Penerbitan sumber-sumber bertulis tersebut telah dibincangkan di dalam kertas putih kerajaan bertajuk *The Communist Threat to Sarawak*.

Dalam penerbitan kertas putih turut membincangkan pandangan pertubuhan yang berasaskan politik di Sarawak seperti Parti Negara Sarawak (PANAS) yang diingatkan sentiasa berwaspada dengan penyebaran fahaman komunis dalam *Subversion : Political Parties Comment*. Secara umumnya, penulisan yang diterbitkan oleh kerajaan melalui Jabatan Penerangan adalah mengenai penyebaran fahaman komunis di Sarawak, bahaya ancaman komunis, cara mengatasi ancaman komunis, Perjanjian Sri Aman yang berlaku pada tahun 1974 di antara Kerajaan dengan Parti Komunis Sarawak dan banyak lagi. Oleh itu, melalui penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan secara tidak langsung ia memberikan kefahaman kepada penduduk tempatan tentang kewujudan fahaman komunis yang tidak mendatangkan kebaikan kepada penduduk serta menarik sokongan penduduk tidak mengira agama dan bangsa untuk bersama-sama membanteras kegiatan subversif komunis. Dalam kaedah perang saraf, penyebaran risalah turut dilakukan oleh pihak kerajaan. Penyebaran risalah adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat atau informasi berkaitan dengan keburukan fahaman komunis. Penerbitan risalah tersebut diterbitkan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, Cina, Iban, dan Bidayuh. Contohnya terdapat 3000 risalah dalam bahasa Bidayuh Bau-Jagoi telah diedarkan di Lundu (F/55/1). Penyebaran risalah terhadap rakyat bertujuan untuk menyedarkan rakyat bahawa kegiatan komunis sebenarnya mendatangkan ancaman keselamatan terhadap negeri Sarawak. Cita-cita komunis yang diuar-uarkan melalui fahaman yang dikeluarkan tidak membawa kepada tujuan sebenar komunis untuk membantu rakyat Sarawak mencapai kemerdekaan. Sebaliknya, komunis ingin menguasai Sarawak untuk meluaskan pengaruh fahaman komunis mereka seperti yang dirancang oleh *Comintern*. Dalam usaha menyebarkan risalah tersebut, pihak kerajaan telah menerbitkan risalah yang mengandungi keburukan komunis dalam bahasa peribumi Iban dan Bidayuh serta bahasa Melayu dan Cina seperti Jadual 5:

Jadual 5: Jumlah Risalah yang diterbitkan pada Mei 1964

Bahagian di Sarawak	Bahasa Cina	Bahasa Melayu	Bahasa Iban
Pertama	55 000	50 000	4 000
Kedua	10 000	25 000	14 000
Ketiga	60 000	7 000	22 000
Keempat	15 000	8 000	6 000
Kelima	3 000	5 000	600

Sumber : F/55/1. Psychological Operation in Sarawak 1964-1971. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching. Sarawak.

Keadaan tersebut dilakukan untuk memudahkan setiap kaum memahami perkara yang hendak disampaikan oleh kerajaan. Penyebaran risalah disebar di seluruh kawasan Bahagian Pertama, Sarawak untuk menyedarkan rakyat agar tidak terlibat dengan kegiatan komunis. Kaedah yang digunakan dalam penyebaran risalah adalah dengan menggunakan helikopter untuk menabur risalah di kawasan Bahagian Pertama, Sarawak yang terdedah kepada ancaman komunis (C.O 1030/267). Kesan daripada penyebaran risalah kepada orang awam telah membantu pengurangan gerakan bersenjata dilakukan oleh komunis kerana kedudukan komunis di Bahagian Pertama mulai goyah. Pada bulan Jun 1973, seramai 97 pengikut komunis mulai kembali ke pangkuan masyarakat kerana mereka ditipu oleh Parti Komunis Sarawak sebelum ini yang menjanjikan kehidupan yang senang tetapi sebaliknya pengikut-pengikut komunis terpaksa melalui kehidupan yang mencabar dengan menjadi buruan pasukan keselamatan (Sarawak Karang Saminggu, 1973). Gangguan daripada komunis semakin berkurang kerana ramai pengikut komunis turut ditangkap malah ada yang menyerah diri kepada pasukan keselamatan.

Pengenalan konsep Kawasan Putih dan Hitam

Dalam perang saraf, konsep kawasan putih dan hitam turut diperkenalkan semasa Operasi Hammer dilancarkan. Konsep kawasan putih dan hitam merupakan pendekatan yang digunakan semasa membanteras gerakan komunis di Semenanjung Tanah Melayu. Konsep ini menekankan perihai keselamatan di kawasan yang menerima ancaman komunis di mana kawasan tersebut dilabelkan sebagai kawasan hitam. Manakala kawasan putih merupakan kawasan yang selamat daripada ancaman komunis. Bagi melaksanakan konsep kawasan putih dan hitam ini, pasukan keselamatan dengan bantuan Jabatan Tanah dan Survey mengenal pasti kawasan yang menerima ancaman komunis. Apabila kawasan tersebut dikenal pasti, maka kawasan tersebut dikawal ketat oleh pasukan keselamatan. Konsep kawasan putih dan hitam telah dilaksanakan dalam Operasi Hammer yang dilancarkan untuk membanteras kegiatan komunis yang dilakukan di Bahagian Pertama, Sarawak pada 6 Julai 1965 (DOK/119). Kawasan yang menerima tempas kegiatan komunis adalah Batu 7, 17, 21, Siniawan, Lundu, dan Batu Kitang (F/46H/1).

Operasi Hammer turut menekankan pembangunan sosial untuk penduduk di Bahagian Pertama, Sarawak. Perkara tersebut dilakukan setelah menghadapi tekanan daripada komunis kerana kemudahan asas dan infrastruktur telah dirosakkan oleh komunis sebagai tanda ketidakpuasan hati mereka terhadap kerajaan. Oleh itu, pembangunan sosial ini amatlah perlu untuk kehidupan rakyat yang lebih selesa dan menyenangkan. Antara pembangunan sosial yang dilakukan semasa Operasi Hammer dan kerajaan di Bahagian Pertama adalah pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas, pengenalan konsep kawasan hitam dan putih.

Pihak kerajaan menumpukan kepada usaha untuk memenangi hati dan fikiran rakyat atau *hearts and minds* dalam usaha menghapuskan pemikiran rakyat terhadap fahaman komunis. Pendekatan *hearts and minds* dilakukan bertujuan untuk menghindarkan rakyat di kawasan Operasi Hammer untuk berhubung dengan orang luar terutamanya penganas komunis. Hal ini demikian kerana, terdapat orang luar yang menyamar menjadi penduduk kampung dan merupakan pengintip yang diupah oleh komunis untuk mendapatkan maklumat yang didedahkan oleh kerajaan. Dalam strategi operasi Hammer, pihak kerajaan telah memperkenalkan kawasan

putih dan hitam. Kawasan putih merupakan kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis manakala kawasan hitam merupakan kawasan yang mana kegiatan komunis masih bergerak aktif dan dikenakan perintah berkurung. Pelaksanaan kaedah ini turut diperkenalkan oleh Sir Gerald Templer semasa beliau berkhidmat di Tanah Melayu apabila darurat diisytiharkan (Richard Stubbs, 1989).

Di Bahagian Pertama Sarawak, kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan hitam adalah di sekitar Siniawan, Batu Kitang, Batu 11 Kuching, Batu 17 Kuching, Batu 21 Kuching kerana kawasan tersebut masih menerima ancaman komunis (DOK/119). Pelaksanaan perintah berkurung telah dilakukan di mana rakyat mempunyai had masa keluar seperti dari jam 7 pagi sehingga jam 2 petang. Begitu juga, rakyat diberi kad pengenalan sah untuk memastikan mereka bukanlah sebahagian daripada ahli Parti Komunis Sarawak (F/55/1). Semasa perintah berkurung dijalankan, rakyat tidak dibenarkan keluar dari kawasan operasi Hammer dengan Wen Min Chyuan. Mereka harus melaporkan diri kepada pasukan keselamatan sekiranya ingin keluar. Antara strategi yang dijalankan semasa operasi Hammer adalah seperti Jadual 6:

Jadual 6: Strategi Operasi Hammer

Bil	Strategi
1	Penduduk tidak dibenarkan keluar tanpa kad pengenalan.
2	Penduduk harus melaporkan diri kepada pasukan keselamatan yang bertugas sekiranya ingin keluar ke Bandar membeli barang keperluan atau pergi ke kebun atau ladang.
3	Waktu keluar adalah jam 7 pagi sehingga jam 2 petang sahaja.
4	Penduduk tidak dibenarkan untuk melakukan aktiviti seharian seperti pertanian untuk mengelakkan hubungan komunikasi berlaku di antara penduduk dengan penganas komunis.
5	Penduduk harus melaporkan kepada pasukan keselamatan sekiranya terdapat orang yang mencurigakan.

Sumber : F/55/1. Psychological Operation in Sarawak 1964-1971. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching.

Pengenalan konsep kawasan putih dan hitam dalam Operasi Hammer menyebabkan gerakan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak mulai goyah. Langkah pembanterasannya yang berterusan menyebabkan pengikut komunis ditangkap. Sehingga akhir tahun 1969, Operasi Hammer telah digantikan dengan Operasi Jala Raja yang dilancarkan awal tahun 1970. Operasi Jala Raja 1970 telah dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negeri, Sarawak. Operasi Jala Raja meliputi kawasan Nonok dan Jemukan yang menerima ancaman komunis yang paling teruk. Di Nonok dan Jemukan, maklumat yang diperoleh daripada pasukan keselamatan sememangnya terdapat komunikasi di antara musuh dengan orang awam (F/46/1). Bagi mengatasi ancaman komunis, kerajaan telah menubuhkan *Home Guard* di peringkat kampung. Kerajaan telah memberi tauliah dan latihan intensif kepada pasukan tersebut seperti menyerahkan senjata kepada *Home Guard* di Kampung Rebak pada tahun 1974 (Sulaiman Hussaini, 2008).

Penubuhan *Home Guard* merupakan langkah yang pernah dilakukan oleh kerajaan British semasa membanteras gerakan komunis di Tanah Melayu. *Home Guard* merupakan sebuah pertubuhan sukarelawan yang memainkan peranan dalam mengawal keselamatan. Fungsi *Home Guard* adalah membantu pasukan tentera mengadakan sekatan jalan raya untuk mengekang pergerakan komunis supaya segala keperluan asas seperti bekalan makanan, ubat-ubatan, pakaian serta peralatan tidak sampai ke tangan komunis. Manakala di Tambirat, antara kampung di

Tambirat yang menerima pengaruh komunis adalah;

Jadual 7: Kawasan di Tambirat

Bil	Kawasan	Catatan
1	Kampung Tambirat	Antara kawasan yang paling teruk dan terjejas dengan pengaruh komunis
2	Tanjong Apong	
3	Kampung Bahru	
4	Telok Sabang	
5	Tambai	
6	Subi dan Kutup	
7	Sungei Sup	

Sumber : F/46E/1 Security Operation in 1st Division 1963 – 1966. Resident and District Office Kuching. State Records Repository, Kuching

Tawaran Program Pengampunan

Kejayaan yang seterusnya diraih oleh kerajaan adalah apabila penangkapan ahli komunis telah dilakukan secara berterusan melalui program pengampunan. Di Bahagian Pertama, Sarawak, usaha dilakukan dengan menambah lebih banyak ahli pasukan keselamatan untuk melakukan operasi serang hendap terutama di kawasan panas yang menjadi tumpuan komunis seperti di kawasan Tambirat di Bahagian Pertama, Sarawak. Kampung-kampung yang terdapat di Tambirat seperti Kampung Tambirat, Tanjong Apong, Kampung Bahru, Telok Sabang, Tambai, Subi dan Kutup serta Sungei Sup telah mengalami ancaman yang teruk daripada komunis (G/28/1). Tambirat menjadi kawasan tumpuan utama disebabkan oleh berdekatan kawasan sungai yang memudahkan persinggahan Parti Komunis Sarawak. Di samping itu, faktor penduduk turut menyebabkan Parti Komunis Sarawak meluaskan pengaruh mereka di Tambirat.

Penangkapan secara besar-besaran dan operasi serang hendap dilakukan oleh pasukan keselamatan secara berterusan. Operasi Jala Raja yang dilancarkan pada tahun 1970 berikutan dengan kegiatan komunis di kawasan Nonok. Bantuan maklumat daripada orang awam turut memudahkan kerja pasukan keselamatan dalam memberkas ahli Parti Komunis Sarawak yang bersembunyi di sekitar kawasan hutan yang menjadi markas persembunyian mereka. Begitu juga, pada Jun 1974, seramai 19 komunis telah ditangkap dan angka tersebut semakin meningkat. Peningkatan jumlah tangkapan tersebut membuktikan usaha pasukan keselamatan membuahkan hasil. Begitu juga, ahli komunis mulai menyerahkan diri kepada pasukan keselamatan apabila mereka tidak nampak tujuan sebenar penubuhan Parti Komunis Sarawak. Perjuangan Parti Komunis Sarawak dilihat gagal dan tidak berjaya untuk menawan Sarawak.

Peningkatan jumlah tangkapan ahli komunis di Bahagian Pertama, Sarawak turut berkait rapat dengan program Tawaran Pengampunan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Langkah tersebut juga pernah dilaksanakan di Tanah Melayu untuk menamatkan darurat berikutan dengan tawaran pengampunan beramai-ramai kepada anggota Parti Komunis Malaya yang dibuat pada 9 September 1955 semasa Rundingan Damai Baling diadakan (Ho Hui Ling, 2015). Tawaran pengampunan beramai-ramai ditawarkan kepada anggota Parti Komunis Sarawak telah dibuat untuk menamatkan gerakan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak. Kesannya, seramai 45

orang ahli komunis berserta dengan ketua mereka iaitu Bong Kee Chok telah menyerah diri kepada kerajaan pada tahun 1974. Bong Kee Chok merupakan ketua Pasukan *North Kalimantan Communist Party* pada 19 September 1965 di Pontianak, Indonesia. Penubuhan *North Kalimantan Communist Party* adalah bertujuan untuk menghimpunkan ahli-ahli komunis yang terdapat di Kalimantan dan Sarawak untuk bersama-sama merealisasikan perjuangan revolusioner komunis. Bong Kee Chok juga merupakan di antara pemimpin komunis yang lantang membantah pembentukan Malaysia dan beliau pernah ditangkap oleh kerajaan pada 22 Jun 1962 disebabkan oleh tindakannya. Selain itu, salah seorang pemimpin *North Kalimantan Communist Party* iaitu Wen Min Chyuan tidak lagi mengambil berat terhadap ahli-ahli komunis di Sarawak setelah beliau diarahkan untuk keluar daripada Sarawak pada tahun 1965.

Justeru, tawaran pengampunan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan telah menyebabkan kegiatan komunis di Bahagian Pertama Sarawak menemui kegagalan apabila ramai di antara ahli mereka telah ditangkap mahupun menyerah diri kepada pasukan keselamatan. Penangkapan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan bukan hanya terhadap ahli Parti Komunis Sarawak tetapi kelengkapan alatan perang Parti Komunis Sarawak turut dirampas seperti bom buatan, jerangkap samar, dan ubat-ubatan dan barang keperluan yang lain. Peningkatan jumlah tangkapan tersebut menandakan gerakan komunis semakin lemah.

Pembangunan Infrastruktur

Salah satu kaedah yang diterapkan dalam perang saraf adalah melaksanakan pembangunan infrastruktur di Bahagian Pertama, Sarawak. Program pembangunan infrastruktur dilaksanakan untuk mengembalikan sokongan rakyat terhadap kerajaan di samping membanteras fahaman komunis melalui polisi dan pendekatan yang dilaksanakan yang menggariskan tiga perkara utama iaitu meningkatkan taraf kehidupan penduduk, memberi peluang kepada penduduk untuk bersama-sama terlibat dalam memajukan kawasan kampung dan merangka sistem pendidikan yang menyatukan semua penduduk.

“Improving the standard of life in rural area, in providing steadily increasing opportunities for people to take a responsible part in public life and in producing a receptive state of mind in the population as a whole through a suitable system of education.”(C.O 1030/1104)

Rancangan Penempatan Semula

Pelaksanaan program pembangunan infrastruktur menterjemahkan usaha kerajaan untuk melaksanakan rancangan penempatan semula para penduduk (R2D/S-42). Rancangan penempatan semula dilaksanakan semasa Operasi Hammer dilancarkan pada tahun 1965. Rentetan daripada pelaksanaan Operasi Hammer, kerajaan telah mewujudkan Skim Penempatan di Bahagian Pertama pada 6 Julai 1965, yang menempatkan sejumlah 8,000 penduduk Cina ke dalam lima kampung baru berpagar. Kawasan penempatan tersebut ialah Batu 15, Batu 17, Batu 19, Batu 21 dan Batu 24 Jalan Kuching-Serian. Kawasan kampung baru tersebut mempunyai pengaruh komunis dan para penduduk terpengaruh dengan fahaman yang disampaikan oleh komunis.

Dalam kawasan rancangan penempatan semula, penduduk dikumpul agar tidak berlaku sebarang bentuk komunikasi dengan komunis. Selain itu, dalam kawasan penempatan semula, kerajaan telah menyediakan kemudahan asas kepada penduduk seperti bekalan air bersih,

jaringan elektrik, dan kawasan persekitaran yang lebih selamat dan kondusif. Langkah tersebut dilakukan oleh kerajaan untuk menarik sokongan penduduk terhadap usaha kerajaan dan menolak perjuangan komunis yang mempunyai agenda demi kepentingan mereka (F/55/1). Pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas merupakan perkara yang penting yang harus disediakan untuk penduduk. Pembangunan infrastruktur tersebut adalah seperti; pembinaan rumah panjang, sekolah rendah kerajaan, klinik perubatan, unit keselamatan kampung, kedai operasi dan jalan-jalan kampung (Sarawak Karang Saminggu, 1973). Misalnya, penyediaan bekalan air yang bersih amat diperlukan oleh penduduk untuk keperluan seharian mereka. Penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar khususnya telah diberikan bekalan air bersih. Rancangan penempatan semula dilaksanakan di Bahagian Pertama, Sarawak adalah merupakan pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan semasa membanteras ancaman komunis pada zaman darurat di Tanah Melayu. Selain itu, salah satu usaha yang telah dilakukan kerajaan adalah dengan membina empangan untuk air Kampung Siratau pada 10 Januari 1966 dan di Sindanau memasang paip dan empangan sebagai usaha dalam projek-projek pembangunan di Bahagian Pertama, Sarawak (DEV/143).

Justeru, skim penempatan semula di Bahagian Pertama, Sarawak yang dilaksanakan pada tahun 1965 merupakan langkah kerajaan untuk melumpuhkan rangkaian pergerakan komunis. Seiring dengan penempatan semula, rancangan pembangunan turut diusahakan seperti pembinaan dewan, jambatan, bekalan air bersih merupakan antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Begitu juga, isu keselamatan amat dititikberatkan oleh kerajaan pada ketika itu kerana khuatir ramai lagi penduduk yang menjadi pengikut komunis terutama di kawasan yang mempunyai ramai penduduk Cina. Kesan daripada usaha murni kerajaan, menyebabkan kehidupan penduduk kampung bertambah baik dan tiada lagi gangguan daripada komunis.

KESIMPULAN

Pelaksanaan kaedah perang saraf yang diperkenalkan oleh kerajaan British di Tanah Melayu sememangnya menjadi asas kepada pembanterasan pemberontakan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak. Perjuangan Parti Komunis Sarawak di Bahagian Pertama berjaya dipatahkan kerana usaha kerajaan yang berterusan dan sokongan daripada rakyat terhadap kerajaan. Kaedah perang saraf dianggap sebagai serampang dua mata dalam usaha membanteras komunis kerana ia melibatkan sokongan rakyat terhadap usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memisahkan rakyat daripada penganas komunis. Rakyat mempunyai keyakinan terhadap kerajaan untuk membangunkan negeri Sarawak dan tidak terpengaruh dengan fahaman Parti Komunis Sarawak. Strategi perang saraf ini memerlukan kerjasama daripada semua agensi kerajaan khususnya pasukan polis dan tentera untuk melaksanakan langkah-langkah yang positif dan dinamik bagi tujuan menghapuskan masalah insurgensi dengan mengadakan perhimpunan umum di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan komunis seperti di Kampung Sempadi, Kampung Serayan, Kampung Selampit yang terdapat di Lundu.

Secara keseluruhan, asas utama yang ditekankan adalah soal keselamatan di Sarawak terutama di Bahagian Pertama agar tidak menjadi premis untuk komunis beroperasi. Hal ini berkait rapat dengan kerajaan dalam usaha pembendungan gerakan komunis di Bahagian Pertama, Sarawak. Sekiranya Sarawak tidak dapat diselamatkan daripada belunggu komunis, Sarawak berkemungkinan akan menjadi sebuah wilayah taklukan komunis dan sekiranya perkara ini terjadi ia akan mencemarkan kredibiliti Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Ancaman yang dihadapi oleh Malaysia iaitu dari luar dan domestik akhirnya berjaya dibendung oleh usaha padu segenap pihak. Oleh itu, apabila perjanjian damai ditandatangani pada Mac 1974 di antara pemimpin atasan komunis iaitu Bong Kee Chok dengan kerajaan Malaysia menyebabkan ramai anggota komunis menyerah diri kepada kerajaan lantas perjanjian ini membuahkan keamanan bagi negeri Sarawak. Meskipun terdapat ahli Parti Komunis Sarawak yang enggan menyerah kalah namun usaha pembendungan tetap diteruskan oleh pasukan keselamatan. Oleh itu, pendekatan yang dilaksanakan oleh pasukan keselamatan merupakan pendekatan yang digunakan oleh kerajaan British membanteras kegiatan komunis di Tanah Melayu ketika Tanah Melayu berhadapan dengan ancaman komunis. Melalui pendekatan psikologi, *heart and mind*, gerakan komunis di Bahagian Pertama Sarawak berjaya dibanteras.

RUJUKAN

- C.O.1030/1105. Clandestine Communist Organisation in Sarawak 1960-1962. Public Record Office State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- FCO 141/12711 Communist Penetration of SUPP/Unions, BPS, Postponement of Federation. Public Record Office. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- DEV/143. Hammer Minor Project 1965-1972. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak
- DOK/119. Curfew areas : Travelling Programs 1963-1966. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- F/46/2. Security Operation- 1st Division 1963 -1970. Resident and District Office. Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- F/46H/1 Security Operation : Hammer Operation 1965-1966. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- F/55/1. Psychological Operation in Sarawak 1964-1971. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- G/28/1. Preservation of Public Security Ordinance 1962 -1966. Resident and District Office Kuching. State Records Repository. Kuching, Sarawak.
- Ho Hui Ling., (2016). *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Leigh, Michael. B., (1988). *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Kuala Lumpur: Antara Book Company.
- Mohd. Reduan Haji Asli., (1993). *Pemberontakan Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Porrit. L.Vernon., (1972). *The British Colonial Rule in Sarawak 1946 – 1963*. Kuala Lumpur Oxford University Press.
- R2D/S-42. *Hearts and Minds Minor Project 1969-1976*. Resident and District Office Sri Aman. State Records Repository. Kuching. Sarawak.
- Sarawak Tribune. 23 Julai 1960.
- Sarawak Karang Saminggu. 12 Jun 1973.
- Shaw, Alexander Nicholas., (2016). British Counterinsurgency in Brunei and Sarawak 1962 – 1963 : Developing Best Practices in the Shadow of Malaya. *Journal of Small Wars and Insurgencies*. Vol.27. No.4 : 702 – 725.

- Stubbs, Richard., (1989). *The Hearts and Minds in Guerilla Warfare : The Malayan Emergency 1948 – 1960*. Singapore. Oxford University Press.
- Sulaiman Husaini., (2008). *Samarahan Dari Kampung Terpencil ke Desa Ilmu*. Pejabat Residen Samarahan, Kuching.
- Van der Kroef., (1966). Communism in Sarawak Today. *Asian Survey*. University of California Press. Vol.6. No.10 : 568 – 579.

Nararossa Peter Ballak,

Calon Sarjana Falsafah di Pusat Penyelidikan Dasar, Politik dan Strategi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
nararossapeter@gmail.com

Mohd.Samsudin (Phd),

Professor Madya di Pusat Penyelidikan Dasar, Politik dan Strategi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
moss@ukm.edu.my